



## SIARAN MEDIA

### KEJADIAN LIMPAHAN AIR LARUT RESAP (*LEACHATE*) DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU LADANG TANAH MERAH (TPSPB LTM), MUKIM JIMAH, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

---

**PUTRAJAYA, 23 Jun 2022** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima laporan berhubung insiden Limpahan Air Larut Resap (*Leachate*) di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu Ladang Tanah Merah (TPSPB LTM), Mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan yang berlaku pada 22 Jun 2022 (Rabu), jam 7.30 pagi.

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu tersebut dikendalikan oleh Syarikat Cypark Smart Technology Sdn. Bhd. (CST) bermula Oktober 2014. Tapak ini melupuskan sisa yang diterima daripada Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD).

KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengenal pasti punca kejadian berlaku dan sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi membendung kejadian limpahan air Larut Resap (*leachate*) tersebut.

Langkah segera yang **sedang dilaksanakan** adalah seperti berikut:

- i. **Pengoperasian pelupusan sisa pepejal ke dalam sel telah dihentikan dan sisa pepejal yang diterima oleh tapak telah diarahkan untuk dikumpulkan di dalam *bunker Waste Segregation Facility* (WSF) di tapak yang sama;**

- ii. **Pihak CST juga sedang giat melaksanakan kerja-kerja pembaikan benteng pecah di sel 1B dan pembersihan jalan ke sel 1B;**
- iii. **Pengoperasian tapak pelupusan akan kembali kepada sedia ada setelah kerja-kerja pembaikan dijangka selesai pada 28 Jun 2022; dan**
- iv. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan di tapak dan pensampelan *leachate* telah diambil. Kertas siasatan akan dibuka setelah keputusan pensampelan diperolehi dan syarikat boleh didakwa di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127) sekiranya didapati bersalah.

KPKT komited memastikan perkara seperti ini tidak berulang kembali. **Pihak CST telah diarahkan untuk membina sel baharu dengan kadar segera bagi menampung sisa pepejal yang akan dilupuskan sebelum loji WtE dapat beroperasi sepenuhnya untuk merawat sisa pepejal.** Pembinaan sel baharu adalah menjadi obligasi pihak CST sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan dan syarikat CST. Di samping itu, JPSPN juga akan meminta pihak SWCorp membuka kertas siasatan bagi insiden tersebut menurut kesalahan di bawah Akta 672.

Langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan akan sentiasa dipantau bagi memastikan pengoperasian tapak pelupusan sampah adalah berada di tahap optimum dan selamat.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

